

Nama Calon : .....

Tingkatan : .....

**KOD: 900/3**

**SEPT. 2013**



**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PEKAN BARU MUAR**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN STPM  
PENGGAL 3 TAHUN 2013**

**PENGAJIAN AM  
MASA : 2 JAM**

**Arahan kepada calon :**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA  
ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN**

*Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian, iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.*

*Calon dikehendaki menjawab **semua** soalan dalam Bahagian A, satu soalan dalam Bahagian B dan **dua** soalan dalam Bahagian C.*

*Ada lima belas soalan dalam Bahagian A. Tiap-tiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan. Pilih **satu** jawapan yang betul dan buat bulatan pada jawapan anda pada kertas soalan ini.*

*Gunakan helaian kertas jawapan bagi menjawab soalan dalam Bahagian B dan C. Mulakan setiap jawapan pada helaian kertas yang baharu dan susun jawapan anda mengikut tertib berangka. Ikat helaian jawapan anda bersama-sama dengan kertas soalan ini.*

*Markah untuk setiap bahagian soalan diberikan dalam tanda kurung [ ].*

Untuk Kegunaan Pemeriksa	
Bahagian A	
<b>15</b> soalan	
Bahagian B	
Bahagian C	
Jumlah	

Disediakan oleh,

Disemak oleh,

Disahkan oleh,

---

**Kertas soalan ini terdiri daripada 8 halaman bercetak termasuk kulit.**

## Bahagian A

[ 15 markah ]

Jawab **semua** soalan. Pilih jawapan yang betul dan bulatkan pada jawapan tersebut.

1. Antara yang berikut, yang manakah faktor yang menjadi asas dalam penentuan dasar luar Malaysia?

- I Jenis ideologi dan politik sesebuah Negara.
  - II Kepentingan dari segi ekonomi dan kebudayaan.
  - III Pakatan tentera bagi pertahanan bersama.
  - IV Hubungan yang erat dengan Negara-negara serantau.
- A.** I dan II                           **C.** II dan IV  
**B.** I dan III                           **D.** III dan IV

2. Yang manakah antara urutan yang berikut paling tepat menggambarkan perkembangan dasar luar Malaysia?

- I. Dasar berbaik-baik dengan semua Negara tanpa mengira ideologi
- II. Dasar mengeratkan hubungan ekonomi dengan Negara-negara Selatan.
- III. Dasar yang bercorak pro-Barat dan antikomunis.
- IV. Dasar mengeratkan hubungan dengan Negara-negara maju di Timur.

- A** I,III,IV dan II  
**B** III,I,IV dan II  
**C** II,III,I dan IV  
**D** IV,III,I dan II

3.

MATLAMAT		PERTUBUHAN
X	Y	Z
Perdagangan bebas dan pasaran terbuka	Pembangunan dan kerjasama serantau	Mempertingkatkan kerjasama, pertukaran maklumat serta data dan kerjasama ekonomi

Padanan yang betul tentang matlamat dan pertubuhan yang berikut adalah?

	ASEAN	KUMPULAN 15	KERJASAMA EKONOMI ASIA PASIFIK
A	X	Y	Z
B	Y	Z	X
C	Z	X	Y
D	Y	X	Z

4.

- ❖ Perluasan pasaran Negara maju bagi eksport dunia ketiga.
- ❖ Membetulkan ketidaksamaan dalam struktur ekonomi antarabangsa.
- ❖ Menghapuskan jurang perbezaan antara negara membangun dengan negara perindustrian.

Penyataan di atas ialah objektif:

- A Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik(APEC)
- B Tabung Kewangan Antarabangsa(IMF)
- C Order Baru Ekonomi Dunia(NIEO)
- D Suruhanjaya Selatan-selatan.

5. Antara yang berikut, yang manakah benar tentang Kumpulan 15?

- I Kumpulan ini berusaha untuk menstabilkan politik dunia.
- II Kumpulan ini dianggotai oleh negara-negara yang mundur.
- III Kumpulan ini melibatkan kerjasama ekonomi.
- IV Negara-negara anggota asal kumpulan ini diantaranya Jamaica,Senegal dan Mexico.

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

6. Antara yang berikut,yang manakah merupakan usaha-usaha kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara daripada kegawatan?

- I Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) ditubuhkan.
- II Syarikat-syarikat yang menghadapi masalah kewangan ditutup.
- III Menambatkan Ringgit kepada Dollar Amerika Syarikat pada kadar yang tetap
- IV Modal asing disekat daripada masuk ke Malaysia.

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

7. Yang manakah bentuk kerjasama yang difokuskan melalui ASEAN + 3?

- I Pembangunan saintifik dan teknikal,budaya serta informasi.
- II Pembangunan senjata dan ketenteraan
- III Pembangunan tentera maritim
- IV Pembangunan sosial dan sumber manusia

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

STPM'10

8. Yang manakah pernyataan yang benar tentang pertubuhan-pertubuhan berikut?

	Kesatuan Eropah(EU)	Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC)	Persatuan negara-negara Asia Tenggara (ASEAN)
I	Kerjasama ekonomi yang bersifat serantau	Kerjasama ekonomi bebas dan liberal	Melibatkan persoalan politik serantau
II	Kerjasama ekonomi global	Tarif perdagangan yang sama	Menggunakan mata wang tunggal serantau
III	Menyeragamkan tarif perdagangan antara negara anggota	Kerjasama ekonomi yang bersifat serantau	Kerjasama dalam semua bidang kecuali pakatan ketenteraan
IV	Menarik pelabur-pelabur asing untuk menanam modal di negara-negara anggota.	Menyuarkan pendapat bersama pada peringkat antarabangsa	Kerjasama ekonomi yang bersifat serantau

A I dan II  
B I dan III

C I dan IV  
D II dan III

9. Berdasarkan jadual di bawah, padankan projek-projek usahasama ASEAN dengan negara-negara anggota yang diberikan tugas untuk melaksanakan projek tersebut di negara masing-masing?

	Projek		Negara ASEAN
I	Fabrikasi Tembaga	P	Filipina
II	Vaksin Hepatitis B	Q	Thailand
III	Perlombongan Garam Abu Soda	R	Singapura
IV	Baja Urea	S	Indonesia

	I	II	III	IV
A	P	Q	R	S
B	Q	P	S	R
C	S	R	P	Q
D	P	R	Q	S

10. Antara berikut yang manakah **bukan** faktor mendorong Malaysia menjadi anggota Komanwel pada tahun 1957?

- A Dari segi pertahanan Negara, Malaysia masih memerlukan bantuan negara asing terutamanya Britain.  
 B Malaysia akan menikmati pelbagai kemudahan dan bantuan dengan menyertai Komanwel.  
 C Dasar Luar Negara di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman memang pro-Barat dan pro-Komanwel.  
 D Malaysia bertekad memimpin Komanwel demi menjadi kuasa besar.

11.

- Forum terbuka dua benua untuk membincangkan isu-isu politik, ekonomi dan sosial.
- Konsep hubungan pelbagai hala dilaksanakan untuk menangani isu ekonomi global

Penyataan di atas merujuk kepada

- A Dialog Utara-Selatan  
B Mesyuarat Asia-Eropah(ASEM)  
C Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS)  
D Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik(APEC)

STPM'12

12. Kes yang manakah yang boleh dibawa untuk diadili di Mahkamah Keadilan Antarabangsa?

- A Penghapusan etnik  
B Pencerobohan Ketenteraan  
C Pertindihan tuntutan wilayah  
D Pertikaian pemilihan Ketua Negara

STPM'12

13.

- Mewujudkan peluang ekonomi melalui hubungan perdagangan
- Malaysia mempelupori dan menyumbang khidmat nasihat dalam system kewangan islam.

Penyataan di atas merujuk kepada

- A Pertubuhan Negara-negara Komanwel  
B Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC)  
C Kumpulan Lapan Negara Membangun (D-8)  
D Pergerakan Negara-negara Berkecuali

STPM'12

14. Had bagi pengurusan dan exploitasi kekayaan perairan bagi sesebuah negara ditentukan melalui:

- A Zon Ekonomi Eksklusif  
B Zon Aman,Bebas dan Berkecuali  
C Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN  
D Kawasan Pertumbuhan Segi Tiga Indonesia-Malaysia-Thailand

STPM'11

15. Yang manakah manfaat perlaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN(AFTA) kepada Malaysia?

- A Peningkatan kutipan duti import  
B Pertambahan nilai pelaburan langsung asing  
C Peningkatan persaingan dalam bentuk terpilih  
D Peningkatan aliran perdagangan dengan Negara-negara Asia Tenggara

STPM'12

**Bahagian B**  
[ 15 markah]

*Jawab **satu** soalan sahaja dalam bahagian ini.*

16. Berdasarkan jadual di bawah, bincangkan perubahan kes demam denggi di negara-negara terpilih dari tahun 2007 hingga tahun 2010. Bincangkan langkah-langkah pencegahan yang perlu diambil bagi mengawal wabak penyakit ini.


Bilangan Kes Denggi di Negara Terpilih dari Tahun 2007 hingga Tahun 2010.

Tahun/ Negara	2007	2008	2009	2010
Bangladesh	466	1 153	473	760
India	5023	12 561	15 535	9 357
Indonesia	157 442	145 607	144 052	80 065
Myanmar	20 285	14 480	24 287	11 704
Thailand	62 949	69 626	25 194	57 948
Timor Leste	210	186	175	153
Jumlah	246 375	243 613	209 716	159 987

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada  
Laporan WHO, Geneva, 30 Oktober 2010.

17. Berdasarkan carta di bawah, bincangkan punca terjadi pemanasan global dan langkah yang perlu diambil oleh pihak tertentu bagi mengawal kejadian menjadi semakin serius.

#### PUNCA-PUNCA DAN LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN PEMANASAN GLOBAL.



Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada  
<http://jurnalistyazania.wordpress>

**BAHAGIAN C**  
[50 markah]

*Pilih **dua** daripada tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.*

18. Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) yang semakin pesat telah membolehkan Malaysia terlibat aktif di peringkat antarabangsa. Huraikan.
19. Kedatangan pendatang asing boleh meningkatkan ekonomi sesebuah negara, namun dalam masa yang sama mereka juga mendatangkan risiko kepada negara. Jelaskan.
20. Sejarah Malaysia menunjukkan Malaysia telah menjalinkan hubungan dengan negara luar sejak di awal kemerdekaan. Pendirian Malaysia menjalankan dasar luar mempunyai kepentingan yang tersendiri. Huraikan.

## SKEMA JAWAPAN

BAHAGIAN A:

1	<b>C</b>	9	<b>D</b>
2	<b>B</b>	10	<b>D</b>
3	<b>B</b>	11	<b>B</b>
4	<b>C</b>	12	<b>C</b>
5	<b>D</b>	13	<b>C</b>
6	<b>B</b>	14	<b>A</b>
7	<b>B</b>	15	<b>D</b>
8	<b>B</b>		

BAHAGIAN B:

### **16. Pendahuluan**

Jadual menunjukkan kes demam denggi di Negara-negara terpilih dari tahun 2006 hingga tahun 2010. Secara keseluruhan kes demam denggi meningkat dalam Negara tersebut.

Bil.	Idea	Huraian
A	Keadaan kes demam denggi	
1.	Secara keseluruhan menurun	-Keseluruhan kes demam denggi meningkat dari tahun 2007 hingga tahun 2010. Pada tahun 2007, sebanyak 246375 kes turun kepada 159987 kes pada tahun 2010. Penurunan sebanyak 86388 kes iaitu 35.06 peratus.
2.	Keadaan kes menurun	-Kes demam denggi di Indonesia mengalami keadaan menurun dari tahun 2007 hingga tahun 2010. Pada tahun 2007, 157442 kes menurun sebanyak 77377 kes kepada 80065 kes pada tahun 2010 iaitu hamper separuh kes berkurangan. Peratus perubahan iaitu 49.15 peratus.
3.	Keadaan kes tidak konsisten	-Kes demam denggi di Bangladesh, India, Myanmar, Thailand dan Timor Leste mengalami keadaan tidak konsisten dari tahun 2007 hingga tahun 2010. -Contoh, kes demam denggi di Bangladesh naik turun dan naik semula. -Pada tahun 2007 sebanyak 466 kes dan naik sebanyak 687 kes kepada 1153 kes pada tahun 2008, dengan peratus perubahan 147.42 peratus. Kes turun kepada 473 kes pada tahun 2009 sebanyak 680 kes iaitu peratus perubahan 58.98 peratus. Pada tahun 2010, kes naik semula kepada 760 kes iaitu meningkat sebanyak 287 kes, peratus perubahan 60.68 peratus.
B	Langkah-langkah pencegahan	
4	Lindungi diri dari gigitan nyamuk	-Memakai pakaian yang boleh menutup tubuh daripada digigit oleh nyamuk. -Memasang jarring nyamuk pada skrin tingkap supaya nyamuk tidak memasuki rumah. -Pasang kelambu ketika tidur.

5.	Elak dari mengunjungi ke kawasan berisiko	-Nyamuk aedes terdapat pada waktu siang iaitu awal pagi dan awal senja. Justeru, elak mengunjungi tempat yang terdapat banyak nyamuk.
6.	Musnahkan tempat pembiakan nyamuk.	-Tempat takungan air seperti tayar buruk dan bekas menyimpan air ditanam. -Bersihkan air yang bertakung dalam bekas dan tutup rapat semua bekas air.
7.	Hapuskan nyamuk aedes	-Masukkan ubat jentik-jentik ke dalam bekas air. -Sembur ubat pembunuh nyamuk di sekitar kawasan perumahan.

Kesimpulan: Setakat ini vaksin untuk mengubat demam denggi masih belum ditemui. Oleh itu, kita perlu mencegah sebelum terlewati.

## 17. Pendahuluan

Carta mengambarkan faktor-faktor pemanasan global dan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan kejadian daripada bertambah serius.

Bil.	Idea	Huraian
A	Faktor-faktor	
1.	Pengangkutan	-Kenderaan individu dan awam seperti kereta,teksi dan bas akan mengeluarkan asap. Banyak kenderaan yang digunakan maka bertambah pengeluaran asap diudara. Asap merupakan bahan pencemar udara
2.	Perindustrian	-Kilang mengeluarkan asap apabila beroperasi. Kaedah pengeluaran asap secara tidak betul boleh meningkatkan kadar pencemaran. Serombong asap yang rendah menggalakkan asap berada diruang udara dan berlaku peningkatan karbon monoksida.
3.	Pembalakan	-Penebangan hutan berlebihan menyebabkan kawasan hutan menjadi gondol dan hilang kawasan tадahan. Permukaan kawasan semakin panas apabila tumbuhan tutup bumi tiada. -Suhu semakin meningkat menyumbang kepada pemanasan global.
4.	Pertanian	-Penggunaan baja kimia dalam pertanian menghasilkan karbon monoksida semakin banyak. -Racun serangga yang digunakan juga mengandungi karbon.
5.	Letusan Gunung Berapi	-Apabila gunung berapi meletus pengeluaran asap dan debu berterbangan dengan banyak. Indek udara semakin meningkat dan suhu sekitar meningkat.

B	Langkah-langkah	
6.	Kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Kerajaan perlu menguatkuaskan undang-undang memelihara alam sekitar.</li> <li>-Penjagaan alam sekitar penting untuk generasi akan datang.</li> <li>-Menggalakkan teknologi hijau untuk memelihara alam sekitar dan alam semulajadi. Ia dapat mengurangkan kesan negative daripada aktiviti manusia.</li> </ul>
7.	Agensi/Masyarakat	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Masyarakat disyorkan mengamalkan kongsi kereta. Karbon monoksida yang dikeluarkan dapat dikurangkan apabila sedikit kenderaan digunakan.</li> <li>-Kempen perlu dilaksanakan bagi menyedarkan masyarakat tentang penjagaan alam sekitar. Pihak swasta harus berkerjasama dalam menjalankan kempen.</li> </ul>
8.	Sekolah	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Sukatan pelajaran perlu ada tentang pendidikan menjaga alam sekitar. Mereka telah dipupuk sejak dari bangku sekolah lagi.</li> <li>-Perbanyakkan penubuhan kelab atau persatuan Cintai Alam Sekitar di sekolah. Pelajar boleh terlibat sama dalam aktiviti dan bertanggungjawab menjayakannya.</li> </ul>
9.	Peranan Individu	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Individu menggunakan barang yang boleh dikitar semula. Elakkan mengguna barang yang sukar lupus seperti plastic.</li> <li>-Selain itu, penggunaan barang elektrik boleh mengurangkan penggunaan sumber tanaga konvensional seperti gas dan petroleum.</li> </ul>

Kesimpulan: Langkah-langkah pencegahan harus diamalkan bagi generasi akan datang supaya dapat menikmati udara yang bersih.

#### **PEMARAKAHAN:**

<b>IDEA/ ISI (I)</b>	<b>- 4 MARKAH</b>
<b>HURAIAN DAN PENJELASAN (H)</b>	<b>- 8 MARKAH (4X2)</b>
<b>KEBAHASAAN (B)</b>	<b>- 1 MARKAH</b>
<b>RUMUSAN / KESIMPULAN (R)</b>	<b>- 2 MARKAH</b>
	<b>-----</b>
	<b>15 MARKAH</b>
	<b>=====</b>

## BAHAGIAN C:

### 18. Pendahuluan

Kebangkitan era ICT ini telah memberi laluan pantas untuk setiap Negara. Negara Malaysia telah berusaha meningkatkan kemajuan ICT secara berperingkat-peringkat.

Bil.	Idea	Huraian
1.	Penubuhan Sistem Rangkaian Jauh Bersama Negara Jiran.	
2.		
3.		
4.		
5.		
6.		

Kesimpulan: Kejayaan dalam bidang ICT telah menunjukkan Malaysia berada ditahap yang lebih baik berbanding dengan Negara-negara lain seperti Indonesia,Filipina,Thailand dan Vietnam. Walau bagaimanapun, setiap Negara telah berwaspada dan bersedia untuk menghadapi kesan negatif ICT ini.

### 19. Pendahuluan

Malaysia adalah 10 negara teratas yang menggunakan tenaga buruh asing. Mereka terdiri daripada Indonesia,Nepal,Filipina,Bangladesh,India dan Cina. Jumlah mereka melebihi 3 juta orang. Perkembangan bidang perindustrian memerlukan jumlah tenaga kerja yang banyak. Kedatangan mereka membawa kebaikan dan keburukan kepada sesebuah Negara.

Bil.	Idea	Huraian
A		
1.		
2.		
3.		
<b>B</b>		
4.		
5.		
6.		
7.		

Kesimpulan: Ketegasan dan kebijaksanaan dalam menguruskan kemasukan pendatang asing dapat menangani masalah yang timbul. Pihak kerajaan perlu memastikan rakyat dapat hidup dalam kesejahteraan.

## **20. Pendahuluan**

Dasar luar yang diamalkan oleh Malaysia membawa kepada beberapa kepentingan. Kepentingan tersebut boleh membawa Negara berkembang maju dan hasrat mencapai Negara maju pada tahun 2020 nanti.

Bil.	Idea	Huraian

Kesimpulan: Hasil hubungan Malaysia dengan Negara luar kita dapat menikmati pelbagai kemudahan dalam pelbagai bidang. Bidang yang diceburi semakin berkembang maju.

### **PEMARKAHAN:**

**IDEA/ ISI (I)**  
**HUJAH (H)**  
**KEBAHASAAN (B)**  
**FORMAT (F)**

**- 5 MARKAH**  
**- 15 MARKAH (5X3)**  
**- 4 MARKAH**  
**- 1 MARKAH**

**-----**  
**25 MARKAH**  
**=====**